

**Pembangunan Industri Halal: Konsep *Halalan-Toyyiban* dan  
Pengurusan Keselamatan Industri dalam Kerangka *Maqasid al-  
Shariah***  
***Halal Industry Development: The Concept of Halalan-Toyyiban  
and Industrial Safety Management within the Framework of  
Maqasid al-Shariah***

Azizan Ramli<sup>1</sup> & Mazlin Mokhtar  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan Sidek Tuan Muda  
Universiti Malaya

Badhrulhisham Abdul Aziz  
Universiti Malaysia Pahanag

***Abstrak***

*Komitmen serta kesungguhan yang telah ditunjukkan Malaysia dalam membangunkan industri halal adalah selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi juara hub halal global. Pembangunan industri halal bukan sahaja berkait rapat dengan tuntutan menghasilkan produk halal bagi kegunaan masyarakat Islam tetapi juga perlu mempamerkan nilai-nilai Islam yang menyeluruh. Selain itu, pembangunan dan aktiviti industri halal memerlukan corak dan kaedah pengurusan termasuk pengurusan keselamatan industri yang menjadikan nilai-nilai Islam sebagai acuannya. Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan industri dan konsep halalan-toyyiban dalam kerangka maqasid al-shariah. Selain itu, pendekatan kooperatif dalam pengurusan keselamatan juga akan dibincangkan. Pendekatan kooperatif merupakan suatu inisiatif yang berpotensi untuk dilaksanakan kerana ianya adalah salah satu daripada tujuan maqasid al-shariah. Jaringan kerjasama kejurangan dalam isu-isu pengurusan keselamatan industri juga menampakkan kesyukuran Islam dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan pekerja, masyarakat dan alam sekitar. Kesimpulannya, pelaksanaan pengurusan keselamatan industri khususnya oleh pengusaha industri halal adalah sesuatu yang menjadi tuntutan. Ianya bukan sahaja tuntutan sejagat tetapi juga tuntutan Islam itu*

<sup>1</sup> Corresponding author : Azizan Ramli, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mail : azra6935@yahoo.com

sendiri. Ini bertepatan dengan kerangka maqasid al-shariah dan secara langsung dapat membuka luas pemahaman terhadap konsep halal-toyyiban itu sendiri.

Kata-kunci: *halalan-toyyiban*, keselamatan industri, *maqasid*

### **Abstract**

*The commitment and efforts shown by Malaysia in developing halal industry are in line with the country's aspirations to become a champion of global halal hub. However, halal industry's development is not only about fulfilling the market demands for Muslim community but it should also exhibit the values of Islam in a comprehensive manner. Moreover, the development and activity in halal industry should apply an effective management tool including industrial safety that makes the values of Islam as its anchor. Therefore, this paper will discuss the need for safety management's implementation and the concept of halalan-toyyiban within the framework of maqasid al-shariah. In addition, safety management which is based on cooperative approach will also be discussed. Cooperative approach is an initiative that has the potential to be implemented as it is one of the purposes of the maqasid al-shariah itself. Neighborhood network for industrial safety management also exhibits comprehensiveness of Islamic teachings in matters pertaining to the safety of employees, community and the environment. In conclusion, the implementation of industrial safety management, especially by halal players is not optional. It is not only a universal requirement but also a part of the teachings of Islam. This is consistent with the framework of maqasid al-shariah and it directly provides a wider understanding of the concept of halalan-toyyiban.*

*Keywords : halalan-toyyiban, industry safety, maqasid*

### **PENGENALAN**

Pembangunan industri halal bukan semata-mata berkaitan dengan tuntutan menghasilkan produk halal bagi kegunaan masyarakat Islam. Rangkaian kitaran pembangunannya juga perlu mempamerkan nilai-nilai Islam yang menyeluruh. Oleh itu, proses pembangunan industri halal perlu dilihat secara holistik dari pelbagai sudut termasuk yang berkait rapat dengan isu-isu keselamatan<sup>2</sup>. Secara umumnya, tuntutan pelaksanaan pengurusan

<sup>2</sup> Isu-isu keselamatan yang dimaksudkan adalah keselamatan yang berkaitan dengan pekerjaan. Ianya merangkumi keselamatan individu dan keselamatan proses. Pengurusan keselamatan

keselamatan industri sebagaimana yang dianjurkan Islam tidak membezakan sama ada industri tersebut berfokus kepada produk halal atau produk-produk lain. Walau bagaimanapun, bagi menjadikan pembangunan kluster industri halal sebagai model ikutan, kepentingan dan tuntutan tersebut dilihat dari dua dimensi yang saling bersepadu; agama dan ekonomi. Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan kepentingan memasukkan pengurusan keselamatan industri sebagai salah satu daripada elemen penting bagi mengukuhkan model pembangunan industri halal. Tuntutan pelaksanaan ini penting kerana konsep halal dan haram perlu dilihat dalam konteks menyeluruh termasuk faktor luarannya (selain fizikal produk) seperti bagaimana sesuatu produk halal itu dihasilkan dan bagaimana ianya digunakan (Anas et al., 2010). Secara analoginya, pengharaman minuman yang memabukkan seperti arak bukan sahaja terhadap fizikal minuman tersebut semata-mata tetapi juga keseluruhan aktiviti yang terlibat di dalam kitaran penghasilannya. Ini menggambarkan bahawa penghasilan produk halal juga perlu mengambilkira pelbagai tuntutan yang merangkumi keseluruhan skop aktiviti dan proses yang terlibat. Penelitian ini penting bagi memastikan setiap aktiviti di dalam keseluruhan rangkaian tersebut tidak bercanggah dengan tuntutan ajaran Islam. Penelitian yang dimaksudkan ini termasuk yang berkaitan dengan aktiviti pemprosesan produk halal, di mana kaedah penghasilan produk halal jelas melibatkan penggunaan pekerja dan aplikasi teknologi. Oleh itu, isu keselamatan pekerja, masyarakat sekeliling dan alam sekitar juga menjadi sebahagian daripada elemen bersepadu dalam pembangunan kluster industri halal. Dalam erti kata lain, aktiviti pembuatan produk halal memerlukan corak dan kaedah pengurusan komprehensif dalam pelbagai keadaan dengan menjadikan nilai-nilai Islam sebagai acuan. Penerapan nilai-nilai tersebut penting bagi menjadikan model pembangunan kluster industri halal sebagai model ikutan kepada kluster industri yang lain.

Perbincangan khusus di dalam penulisan ini akan memfokuskan kepada tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan industri dalam konsep *halalan-toyyiban* dan kerangka *maqasid al-shariah*. Isu ini juga menjadi lebih penting memandangkan kepekaan terhadap tuntutan untuk melaksanakan pengurusan keselamatan di tempat kerja semakin meningkat di seluruh dunia (Boustras et al., 2011). Selain itu, menurut Rahimin et al. (2006) bahawa para fuqaha Islam telah mengariskan empat inti pati syariah Islam yang secara langsung berkait rapat dengan tuntutan tersebut iaitu *jalb al-masalih* (mencapai kepentingan di dalam kehidupan), *dar al-mafasid* (menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat), *sadd al-*

---

adalah penting bagi mengelakkan kemalangan di tempat kerja yang boleh mengakibatkan kecederaan, kematian, kemusnahan harta-benda atau pencemaran alam sekitar.

*dharar* (menyekat kemudaran), dan *taghayyur al-zaman* (mementingkan faktor peredaran dan perubahan zaman). Isu keselamatan dalam aktiviti pengekonomanian seperti pengeluaran produk halal memerlukan perhatian penting bagi memenuhi tuntutan menjaga pekerja serta kejiranan serta memastikan setiap aktiviti yang terlibat tidak mendatangkan kemalangan (*jalb al-masalih wa dar al-mafasid*). Syahiza et al. (2015) juga menyatakan melalui penulisannya tentang *maqasid al-shariah* dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bahawa melindungi hak asasi manusia dapat dilaksanakan dengan memenuhi kehendak pekerja dan menyelamatkan mereka daripada kemudaran. Ini bertepatan dengan pelaksanaan pengurusan keselamatan yang selari dengan tuntutan *jalb al-masalih wa dar al-mafasid*. Selain itu, para pengusaha industri halal dan pihak berautoriti juga perlu memastikan langkah-langkah pencegahan kemalangan dilaksanakan sebaik mungkin agar tahap keselamatan pekerja dan kejiranan berada dalam keadaan yang kukuh (*sadd al-dharar*). Pelaksanaan langkah-langkah pencegahan dan perlindungan juga perlu mengambilkira keadaan semasa melalui aplikasi pelbagai kaedah yang bersesuaian tanpa membelakangkan aturan syariah Islam (*taghayyur al-zaman*). Perbincangan ini juga secara langsung dapat membuka semula dimensi yang tidak memisahkan Islam dan hal-hal yang dianggap sebagai urusan keduniaan. Ini kerana kesepaduan ilmu di antara ilmu pengurusan diri (agama) dan pengurusan sistem adalah amat penting bagi memperlihatkan ajaran Islam yang menyeluruh dan berupaya menjadi sumber ikutan (Zulkifli, 2007).

### PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Setiap Muslim wajib memastikan semua produk yang diambil adalah halal dari sudut bahan, sumber dan kaedah mendapatkannya. Kewajipan ini bukan hanya semata-mata melibatkan soal makanan tetapi semua produk yang menjadi kegunaan masyarakat Islam. Keberadaan produk halal di pasaran merupakan hasil daripada aktiviti pembuatan dan pengeluarannya oleh industri terlibat. Oleh itu, membangunkan industri halal dan semua perkara yang terlibat di dalam rangkaian halal dapat membantu masyarakat Islam memenuhi tuntutan dalam pematuhan syariah Islam. Secara umumnya, pembangunan industri berasaskan produk atau perkhidmatan halal bukanlah sesuatu yang baru. Ianya telah diperbincangkan sejak sekian lama. Walau bagaimanapun, kesedaran pengguna dewasa ini khususnya pengguna Islam tentang kewajiban untuk menggunakan produk halal telah memberikan impak positif ke arah usaha memperbanyak dan mengembangkan lagi industri produk halal. Industri halal juga mempunyai potensi yang amat baik kerana pasarannya yang meluas melangkaui pelbagai kelompok pengguna termasuk masyarakat bukan Islam.

Pembangunan industri halal yang disertai dengan penggunaan teknologi yang semakin canggih, berinovasi, dan kompleks perlu dikawal dan diurus dengan suatu sistem yang bolehpercayaan agar ianya tidak memberi implikasi yang besar terhadap pekerja, kejuruteraan dan alam sekitar. Menurut Adi (2009), penggunaan sains dan teknologi tidak harus dibiarkan bebas seperti sekarang tanpa terbatas dan dipandu oleh hukum-hukum agama kerana sains dan teknologi semasa dilihat membawa banyak bencana dan bukan manfaat kepada alam dan insan. Oleh itu, beliau menambah, sains dan teknologi moden serta segala kegiatan yang berkaitan dengannya perlu tertakluk kepada sistem nilai Islam yang terangkum dalam *maqasid al-shariah*. Abdul Kabir (2004) pula membincangkan bagaimana perkhidmatan kejuruteraan boleh memenuhi *maqasid al-shariah*. Walau bagaimanapun, beliau hanya memberikan contoh tentang penemuan kejuruteraan dan tidak menyentuh tentang aktiviti rangkaian lain dalam penerokaan penemuan tersebut seperti isu-isu keselamatan. Dalam konteks ini, La Jamaa (2011) menyatakan *maqasid al-shariah* mengandungi dimensi ketuhanan dan dimensi insani. Di dalam isu sains dan teknologi semasa, dimensi insani dilihat lebih dominan khususnya bagi memastikan ianya tidak memberikan kemudahan kepada manusia. Sains dan teknologi juga berkaitan dengan isu *muamalat* (dimensi insani). Oleh itu, ianya adalah tertakluk kepada keputusan dan perkaedahan yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan kerana Allah memberikan hak kepada manusia untuk menetakannya atas dasar memberikan kemaslahatan kepada umum (Maszlee, 2015). Risiko kemalangan yang terhasil daripada penemuan dan penggunaan sains dan teknologi akan sentiasa wujud, sama ada besar, kecil ataupun boleh diterima atas rasional dan alasan tertentu. Wujudnya risiko tersebut menyebabkan aspek pengurusan ke atas aktiviti perindustrian menjadi kritikal dan penting. Oleh itu, pengawalan risiko kemalangan hanya boleh dilaksanakan melalui pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan yang bersepadu dan tersusun.

Pengurusan keselamatan industri adalah sebahagian jujuk kecil yang wujud dalam sistem Islam yang luas dan ianya berkaitan dengan langkah melindungi keselamatan diri sendiri, orang lain serta kejuruteraan. Menurut Islam, setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk menjaga diri daripada sebarang kemudahan dan juga tidak mendatangkan atau menyebabkan kemudahan kepada orang lain. Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w sebagaimana diriwayatkan oleh Abi Saïd al-Khudri yang bermaksud “*Tidak boleh mudaratkan (diri sendiri) dan memberi kemudahan (kepada orang lain)*” (Riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al-Daraqutni). Kemalangan industri boleh berlaku dalam skala kecil seperti kecederaan individu atau skala yang lebih besar seperti kematian atau kehilangan harta benda yang besar. Kemalangan industri dalam skala besar ini juga sinonim dengan istilah bencana industri. Dalam konteks industri halal, kewujudan industri halal yang

berasaskan kimia dan petrokimia boleh memberikan ancaman berlakunya kemalangan besar seperti letupan dan kebakaran. Selain itu, industri halal yang relatifnya berisiko rendah seperti pemprosesan makanan juga tetap mempunyai risiko yang sama kerana sifat kemalangan itu sendiri adalah tidak dijangka. Walau bagaimanapun, di dalam Islam keselamatan nyawa manusia tidak didiskriminasikan atas perbezaan mangsa, jumlah mangsa atau skala kerana satu nyawa itu tetap perlu dipelihara dan dihormati. Oleh itu, kedua-dua senario sama ada berskala kecil atau besar, bersifat kemalangan individu atau kumpulan, langkah pencegahan daripada berlakunya kemalangan tersebut tetap dipandang penting.

### **PENGURUSAN KESELAMATAN INDUSTRI; MAQASID AL-SHARIAH, KONSEP HALALAN-TOYYIBAN, DAN PENDEKATAN KOOPERATIF**

Kaedah pengurusan keselamatan industri dan “pengawalan” ke atas aktiviti pembuatan produk halal adalah sesuatu yang kritikal. Selain daripada keperluan ilmu yang berkaitan, ciri dan perkaedahan pengurusan juga perlu disuburkan dengan nilai dan norma agama. Pelaksanaan pengurusan keselamatan industri yang seiring dengan tuntutan agama juga memerlukan dorongan faktor luaran seperti panduan dan penguatkuasaan undang-undang (cth.: Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 dan Akta Kilang dan Jentera, 1967). Walau bagaimanapun, kehendak perundangan adalah lebih bersifat teknikal dalam konteks kawalan pihak berautoriti. Kegagalan mematuhi kehendak perundangan tidak semestinya berakhir dengan pendakwaan dan begitu juga pematuhan kepada kehendak perundangan juga bukan bermaksud sistem pengurusan yang dilaksanakan telah memenuhi kehendak sebenar pengurusan keselamatan. Selain itu, pematuhan kepada kehendak perundangan juga tidak bermaksud terhapusnya ancaman teknologi atau bencana kerana banyak industri bertindak sekadar mematuhi nilai ambang yang ditetapkan. Dalam erti kata lain, pematuhan hanya dibuat pada pelaksanaan minima sebagaimana yang ditetapkan dalam klausa perundangan.

Al-Quran secara khususnya tidak membincangkan tentang sistem atau kaedah pengurusan keselamatan bagi mencegah risiko kemalangan atau bencana industri. Walau bagaimanapun, kepentingan dan keperluan ke arah itu terdapat di dalam manifestasi pemahaman tentang tuntutan tersebut. Keadaan ini perlu disesuaikan dengan kehendak semasa tanpa membelakangkan nilai-nilai asas Islam. Kaedah pengurusan keselamatan pula adalah bersifat fleksibel kerana Islam menerima sebarang tatacara yang terbukti berkesan dalam melindungi pekerja (Muhammad Asyraf, 2013). Selain itu, mengurus secara Islam adalah berbeza dengan kaedah pengurusan lazim dan Barat. Perbezaan ini adalah

kerana wujudnya kepercayaan tentang hubungan secara menegak di antara manusia dan Allah. Asmahan et al. (t.th) menggariskan beberapa perbezaan di antara pengurusan Islam dan pengurusan Barat seperti yang ditunjukkan di Jadual 1. Abu Bakr (2004) pula menyatakan bahawa disebalik kehebatan sistem pengurusan lazim dan moden, Islam telah mengariskan suatu panduan pengurusan yang sempurna dan komprehensif bagi memastikan kebajikan majikan dan pekerja. Panduan tersebut melibatkan kesepaduan elemen kerohanian yang tidak dapat ditemui di dalam mana-mana sistem pengurusan sedia ada. Pengurusan Islam juga meraikan keputusan secara konsensus (*shura*), bukan unilateral. Ini bertujuan mewujudkan keadilan untuk semua pihak (Muhammad Syukri, 2000). Bagi mengelakkan atau meminimalkan risiko kemalangan dan membina sistem pengurusan keselamatan yang lebih lengkap, faktor teknikal pengurusan harus diseimbangkan dengan kehendak dan tuntutan *tasawur* Islam. Memahami tujuan kehidupan dan menghayati tujuan tersebut dapat memberikan impak yang sangat besar dan menyeluruh dalam menghadapi ancaman dan risiko kemalangan industri.

#### ***Maqasid al-shariah***

Secara umumnya, *maqasid al-shariah* adalah tertumpu kepada proses menegakkan kebaikan dan mencegah berlakunya keburukan/kemudaratan dalam kehidupan masyarakat. Ianya bukan sahaja khusus kepada masyarakat Islam tetapi juga kepada seluruh masyarakat di luar batasan kaum dan agama (Mohd Fikri, 2012). *Maqasid al-shariah* meliputi hal-hal berkaitan keperluan (*dharuriyyat*), kehendak (*hajiyyat*), dan kesempurnaan (*tahsiniyyat* atau *kamaliyyat*). Ianya berakarakan *tasawur* Islam (*Islamic worldview*). *Tasawur* Islam yang dimaksudkan ini adalah tanggapan, gambaran atau sikap mental terhadap segala sesuatu. Pemahaman tentang perkara tersebut merangkumi aspek tauhid terhadap Allah sebagai Pencipta dan manusia sebagai hamba dan *khalifah* Allah. Ianya terbina daripada bukti-bukti akal (*aqli*) dan bukti-bukti naqli (Al-Quran dan Hadis) (Mohd Shukri, 2010). Terdapat lima perkara (*al-dharurah al-khamsa*) yang terangkum dalam keperluan (*dharuriyyat*) iaitu penjagaan agama (*hifz ad-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*) (Rane, 2009; Kamali, 2008). Walau bagaimanapun, para agamawan tradisi hanya melihat *maqasid al-shariah* dalam konteks lima perkara di atas (*al-dharurah al-khamsa*) sahaja. Maszlee (2015) telah menyatakan bahawa beberapa orang agamawan kontemporari pula telah mencadangkan agar perkara utama tersebut diperluaskan lagi bersesuaian dengan realiti semasa dan permodenan. Beliau memberikan contoh berkaitan pemeliharaan alam sekitar dan kualiti hidup sebagaimana yang diketengahkan oleh Al-Qaradawi sebagai perkara yang menjadi keutamaan dalam realiti semasa. Penambahan nilai baru ini juga disokong oleh Nurdeng (2012), di mana beliau menyatakan selain daripada pemeliharaan alam sekitar, perlindungan kesihatan dan pencegahan penyakit

juga perlu dijadikan sebagai sebahagian daripada perkara utama di dalam *maqasid al-shariah*. Keadaan ini disebabkan wujudnya beberapa isu semasa yang perlu diteliti kesan daripada pemodenan dan globalisasi.

Jadual 2 menunjukkan definisi *maqasid al-shariah* sebagaimana yang dibincangkan oleh sebahagian agamawan. Menurut Sazelin (2012), konsep *halalan-toyyiban* dan perbincangan konsep tersebut daripada perspektif *maqasid al-shariah* masih belum diterokai secara mendalam. Beliau merupakan pengkaji pertama yang menghuraikan konsep tersebut daripada perspektif *maqasid al-shariah*. Walau bagaimanapun, kajian beliau hanya menerokai konsep *halalan-toyyiban* berkaitan makanan daripada perspektif *maqasid al-shariah* dan bagaimana ianya dikaitkan dalam proses persijilan halal. Oleh yang demikian, konsep tersebut masih belum dikaji dari aspek tidak langsung di mana *halalan-toyyiban* itu dilihat pada kerangka yang lebih holistik. Sebagaimana yang dikatakan oleh Zulkifli (2015), konsep *halalan-toyyiban* juga disertai dengan nilai sejagat. Kerangka konsep tersebut juga perlu menggabungkan semua aspek Islami termasuk tuntutan memastikan keselamatan pekerja, kejiranan dan harta benda yang jelas terkandung di dalam *maqasid al-shariah*. Tambahan lagi, pemahaman dan pengkajian terhadap konsep *halalan-toyyiban* berdasarkan kepada *maqasid al-shariah* yang berasaskan kebaikan (*maslahah*) dan kemudaran (*mafsadah*) penting untuk diterokai dan tidak bergantung semata-mata kepada nas syarak yang jelas (*sarih*) (Sazelin, 2012). Ini juga bertepatan dengan saranan yang diutarakan oleh para agamawan kontemporari (Jasser, 2007; Maszlee, 2015; Nurdeng, 2012).



Jadual 1: Perbezaan antara pengurusan Islam dan Barat, dan tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan industri (sumber: Diolah dari Asmahan et al., t.th)

Perkara	Islam	Barat	Tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan industri dalam konsep <i>halalan-toyyiban</i>
Teras	Berdasarkan paradigm tauhid yang menekankan keseimbangan dan kesepaduan antara tuntutan keduniaan dan akhirat	Tidak berteraskan prinsip agama, malahan bersifat dualisme dalam banyak perkara	Hubungan mendatar: keselamatan manusia dan alam dalam aktiviti pembuatan produk halal. Hubungan menegak: tuntutan tersebut bagi mengukuhkan konsep <i>halalan-toyyiban</i> dalam kerangka <i>maqasid al-shariah</i>
Matlamat	Keuntungan dan tanggungjawab sosial membawa kepada kebaikan hidup individu, organisasi, negara dan ummah secara menyeluruh	Memaksimumkan keuntungan untuk kebaikan diri, organisasi serta negara daripada sudut kebendaan dan keduniaan semata-mata	Mencegah kemalangan individu, organisasi, persekitaran dan harta benda seiring dengan pemahaman tuntutan agama
Fungsi individu	Sebagai hamba Allah dan juga khalifah Nya di bumi ini	Mengabdikan diri kepada ketua dan organisasi	<i>Al-istikhlaf</i> dan amanah untuk menjaga keselamatan pekerja, harta benda dan sekeliling
Sistem ganjaran	Upah yang setimpal di samping mengambil kira persoalan dosa dan pahala yang bersifat lahiriah dan kerohanian	Bersifat lahiriah keduniaan yang bersifat jangka pendek	Keberkatan dalam imbuhan kerana menunaikan tanggungjawab sebagai majikan atau pekerja dalam menjaga keselamatan diri dan orang lain

Falsafah bekerja	Berlandaskan niat yang ikhlas dan menjadikan bekerja sebagai satu ibadah dengan segala implikasinya	Bekerja untuk mendapat kepuasan kebendaan, untuk kehidupan dan kepuasan diri semata-mata	Melaksanakan tuntutan pengurusan keselamatan adalah ibadah jika dilaksanakan kerana Allah.
Motivasi bekerja	Didorong untuk mendapat keredaan Allah selain daripada untuk memenuhi tuntutan majikan	Lebih didorong oleh faktor kebendaan dan pengiktirafan majikan	Tanggungjawab serta amanah untuk memelihara nyawa dan harta demi keredaan Allah
Ukuran prestasi	Berdasarkan dimensi ekonomi, kerohanian dan juga tanggungjawab sosial	Lebih berdasarkan dimensi ekonomi dan kebendaan	Pengurusan keselamatan yang mengintegrasikan kerohanian dan tanggungjawab sosial serta perekonomian industri halal
Sumber	Wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah	Sentiasa berubah dan amat bergantung kepada dorongan suasana dan tuntutan semasa	Wahyu Al-Quran dan Al-sunah dan manifestasi keduanya dalam pengurusan keselamatan industri
Etika kerja	Berasas kepada akhlak atau etika Islam yang abadi	Berubah-ubah mengikut norma dan nilai masyarakat yang berubah	Akhlak dan etika Islam yang kekal sebagai penangung kepada pelaksanaan pengurusan keselamatan industri
Penekanan	Membina peribadi dan akhlak insan	Menekankan ilmu dan kemahiran sehingga meremehkan soal akhlak	Gabungan antara kemahiran, akhlak, ibadah dan tauhid dalam menuju keredaan Allah
Kaitan dengan agama	Terikat dengan hukum hakam agama terutama dalam membuat keputusan dan membentuk budaya	Tiada kaitan langsung dengan hukum hakam dalam amalan pengurusan. Ini kerana agama menurut mereka hanyalah urusan peribadi	Terikat dengan nilai-nilai Islam dan hukum-hukum atas tuntutan melaksanakan pengurusan keselamatan industri. Ianya sebagai asas kepada pengukuhan konsep <i>halalan-toyyiban</i> .

Jadual 2: Perbincangan dan definisi *maqasid al-shariah* oleh sebahagian agamawan (sumber: Diolah daripada Sazelin, 2012; Hasbullah, 2011)

Abdul Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad Al-Ghazali (Imam Al-Ghazali)	Matlamat syarak bagi menjaga agama, jiwa (nyawa), akal, keturunan dan harta-benda
Abu Muhammad Izz al-Din Abd al-Aziz ibn Abd al-Salam al-Sulami (Imam Izz al-Din) & Sayf al-Din Abu al-Hassan Ali ibn Abi Ali ibn Muhammad al-Amidi (Imam Al-Amidi)	Matlamat daripada pemsyariatian hukum bagi mencapai kebaikan ( <i>maslahat</i> ) atau menolak kemudaratan.
Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad al-Gharnati al-Lakmi al-Shatibi (Imam Shatibi)	Pentaklifan (pertanggungjawaban) syarak yang bertujuan memelihara matlamatnya terhadap manusia. Dalam erti kata lain, objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum adalah bagi kebaikan manusia dan ianya bertujuan mengeluarkan manusia daripada lingkaran nafsunya supaya mentaati Allah
Shams al-Din Abi Abd Allah Muhammad ibn Abi Bakr al-Zar'i ibn Qayyim al-Jawziyyah (Imam Qayyim)	Perubahan hukum yang berlaku berdasarkan perubahan zaman dan tempat. Ini dilaksanakan untuk memelihara <i>maqasid</i> disebalik syariah Islam demi kebaikan manusia. Apa yang disyariatkan oleh Allah terkandung hikmah dan untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat
Muhammad al-Tahir ibn A'shur	Makna-makna dan hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian daripada aspek pemsyariatannya
Al-Raysuni	Objektif yang ditentukan syariat Islam untuk dicapai bagi kepentingan manusia.

Risiko kemalangan industri yang memberi ancaman kepada nyawa (*al-nafs*) dan harta benda (*al-mal*) telah menyebabkan isu pengurusan keselamatan industri menjadikan amat penting. Ini menunjukkan ianya berkait rapat dalam pencapaian *maqasid al-shariah* itu sendiri iaitu penjagaan dan pemeliharaan hak. Pemeliharaan hak ini termasuklah hak untuk hidup, tidak dcederakan, dan hak keselamatan harta. Penjagaan dan pemeliharaan hak adalah tujuan asas pelaksanaan pengurusan keselamatan industri. Oleh itu, ciri seperti ini perlu ditonjolkan di dalam model industri halal dengan menjelaskannya sebagai tujuan pencapaian *maqasid al-shariah* seperti yang terdapat dalam ajaran Islam. Ini memberikan gambaran bahawa penyelesaian pelbagai isu yang berlaku dewasa ini perlu berdasarkan kepada *maqasid al-shariah* (Siddiqi, 2010). Amir Husin et al. (2012) pula menambah, *maqasid al-shariah* itu sendiri adalah menjadi tujuan utama untuk membina peraturan yang berkaitan dengan semua bidang aktiviti manusia, termasuklah aktiviti pembuatan dan pengeluaran produk halal. Malahan Kamali (2008) mencadangkan agar memasukkan pembangunan ekonomi dan pengukuhan R & D teknologi dan sains kepada struktur *maqasid* kerana ianya amat penting dalam menentukan kedudukan umat Islam di mata masyarakat dunia. Pengukuhan R&D teknologi khususnya dalam pembuatan produk halal juga terikat dengan tuntutan agar ianya selamat digunakan dan tidak memudaratkan pengguna (pekerja).


Islam agama yang menyuburkan budaya kebertanggungjawaban dan membenci budaya sebaliknya. Budaya saling bertanggungjawab di dalam isu keselamatan adalah penting bagi memperlihatkan contoh keindahan Islam. Kedua-dua pihak, majikan dan pekerja perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjaga keselamatan nyawa, masyarakat sekeliling, harta benda, dan alam sekitar. Tanggungjawab menjaga keselamatan diri sendiri jelas menjadi keutamaan sebagaimana firman Allah di dalam surah Al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud “*Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya*”. Setiap pekerja di dalam industri halal mempunyai tanggungjawab memastikan keselamatan diri sendiri ketika melakukan aktiviti pengeluaran. Mereka bertanggungjawab untuk sentiasa melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan seperti yang diarahkan. Sekiranya pihak majikan tidak menyediakan garis panduan atau melaksanakan langkah-langkah pencegahan, mereka berhak untuk menuntut agar diwujudkan suasana dan operasi kerja yang selamat. Selain itu, pekerja bukan sahaja perlu melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan terhadap diri mereka tetapi juga terhadap orang berada di sekelilingnya. Tanggungjawab yang sama juga terletak di atas bahu pihak majikan. Majikan industri halal perlu memastikan aktiviti di dalam syarikat mereka sentiasa di dalam keadaan selamat dan tidak mendatangkan

bahaya kepada pekerja dan kejiwaan. Pelaksanaan pengurusan keselamatan ini perlu dilakukan dengan telus dan bersungguh-sungguh (*itqan*). Kedua-dua tanggungjawab yang saling berhubung-kait ini penting difahami dan dilaksanakan kerana ciri tersebut merupakan sebahagian daripada nilai yang terangkum di dalam *maqasid al-shariah*. Perbuatan sengaja mengabaikan keselamatan pekerja atau mendedahkan pekerja kepada keadaan berbahaya tanpa menyediakan langkah-langkah keselamatan adalah umpama melakukan suatu pembunuhan. Perbuatan seperti ini merupakan suatu dosa. Islam amat memandang penting pelaksanaan langkah-langkah pencegahan berbanding tindakan secara reaktif. Keculasan pihak pekerja dan majikan dalam isu-isu keselamatan ketika aktiviti pembuatan produk halal adalah seperti membiarkan nyawa dan harta benda syarikat terdedah kepada kemalangan dan kemusnahan.

### **Konsep Halalan-Toyyiban**


Konsep *halalan-toyyiban* mempunyai keunikan yang tersendiri. Konsep tersebut juga sangat berkait rapat dengan pencapaian *maqasid al-shariah*. Prinsip di sebalik konsep halal dan *toyyib* perlu dilihat dari skop yang lebih luas. Perlulah difahami bahawa “halal” bukan sekadar meliputi hal berkaitan zat fizikal produk tetapi juga merangkumi satu rangkaian yang komprehensif dan unik serta kitaran yang saling bersepadu. Prinsip yang terkandung di dalam konsep *halalan-toyyiban* juga konsisten dengan nilai-nilai lain seperti nilai berasaskan mesra alam, tiada kekejaman terhadap haiwan, dan etika (The Halal Journal, 2012). Dalam erti kata lain, ianya juga menitikberatkan persoalan berkaitan alam sekitar dan tuntutan sosial (Vibe, 2009). Konsep *halalan-toyyiban* juga perlu bermatlamat untuk memelihara kebaikan dan menolak keburukan di mana ianya dalam kerangka konsep menjamin kebaikan (*maslahat*) hidup manusia (Sazelin 2012). Di dalam konteks industri makanan, Alias et al. (2011) pula mengatakan bahawa konsep *halalan-toyyiban* bukan sekadar berkaitan status halal dan *toyyib* semata-mata tetapi juga merangkumi isu berkaitan tempat pemprosesan dan bahan pemprosesan. Ini memperlihatkan isu berkaitan pengurusan keselamatan juga perlu diberikan perhatian bagi memberikan nilai tambah terhadap rantaian halal tersebut. Selain itu, di dalam MS 2400: 2010-*Halalan-toyyiban Assurance Pipeline* pula menyatakan bahawa istilah “*toyyib*” membawa pengertian tentang “*melengkapi dan menyempurnakan intipati dari standard asas atau ambang minimum (halal) iaitu tentang kesihatan, keselamatan, sanitasi, kebersihan, khasiat, pendedahan risiko, alam sekitar, aspek berkaitan sosial dan lain-lain mengikut keperluan situasi atau aplikasi*”. Daripada pengertian ini, produk halal yang dihasilkan bukan sahaja selamat untuk digunakan tetapi aktiviti pembuatan produk halal juga perlu selamat dan tidak mendatangkan risiko kemalangan kepada pekerja dan persekitarannya.

Rajah 1 menunjukkan bagaimana aktiviti industri halal disepadukan bersama nilai-nilai Islam bagi memelihara hubungan antara manusia, alam dan Allah. Hubungan yang dimaksudkan ini adalah mengambilkira keberadaan risiko di dalam aktiviti penghasilan produk halal serta bahan mentah dan proses yang terlibat. Hubungan mendatar adalah hubungan yang akan mendorong kepada sifat kebertanggungjawaban bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan kemalangan. Di dalam Islam, hubungan mendatar ini terjalin secara harmoni hasil daripada keyakinan serta ketaatan terhadap tuntutan agama (kerohanian) kerana ianya berkait dengan dosa dan pahala (Asmahan et al., t.th). Dalam erti kata lain, hubungan menegak (ketaatan kepada Allah) tersebut merupakan pemangkin kepada kesempurnaan hubungan mendatar. Kesenjangan kedua hubungan ini akan mengakibatkan berlakunya kecenderungan yang bersifat ekstrem. Tuntutan ke arah keseimbangan tersebut bersesuaian dengan hadis Rasulullah s.a.w dari Anas bin Malik r.h yang bermaksud: *“Bukanlah sebaik-baik kamu yang meninggalkan dunia untuk akhiratnya dan akhirat untuk dunianya sehingga dia mendapat semua dari kedua-duanya. Sesungguhnya dunia ialah jalan menuju akhirat, dan janganlah kamu menjadi beban tanggungan ke atas manusia.”* (H.R. Ibnu Asakir dari Anas dalam Kitab Tafsir al-Kasysyaf jilid 4 hal.1670). Begitu juga dengan firman Allah yang bermaksud: *“dan carilah dengan apa yang dianugerahkan Allah untuk kebahagiaan akhirat, dan janganlah kamu lupakan bagian mu dari kenikmatan duniawi dan berbuatlah kebaikan sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada mu dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan ( Al-Qashash, ayat 77).*



Rajah 1: Pengurusan keselamatan dalam kerangka pembangunan dan aktiviti industri halal dan konsep *halalan-toyyiban*

Perbincangan tentang tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan di industri halal menunjukkan nilai kerohanian Islam adalah terikat kukuh di atas keyakinan kepada kuasa mutlak Allah. Ini juga memperlihatkan keunikan Islam, di mana keyakinan terhadap sistem pengurusan keselamatan yang dilaksanakan tidak terpisah daripada penerimaan terhadap ketentuan Allah (konsep *qada'* dan *qadar*). Kesabaran berhadapan dengan suatu kemalangan atau bencana industri dan pengajaran daripadanya adalah sebahagian daripada tanda-tanda pautan kukuh terhadap ketentuan dan kekuasaan mutlak Allah. Oleh itu, bagi membangunkan model industri halal berdasarkan konsep *halalan-toyyiban* yang menyeluruh, pengajaran daripada pengkisahan bencana yang dinyatakan di dalam Al-Quran juga perlu diperhatikan. Adalah perlu difahami bahawa sesuatu kejadian buruk seperti kemalangan adalah bertujuan memberikan peringatan dan merupakan suatu ujian. Rajah 2 memperincikan perkara tersebut. Setiap kemalangan industri yang berlaku juga merupakan ujian dan dugaan daripada Allah ke atas kesabaran kita dalam mentaatinya. Firman Allah di dalam Surah Al-Ankabut:2-3 "*Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.*". Walau bagaimanapun, langkah-langkah kesiapsiagaan dan mitigasi perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu. Ini kerana kesan buruk daripada sesuatu kejadian bahaya itu tidak dapat dielakkan sepenuhnya, tetapi skala atau kadar impaknya boleh dikurangkan melalui pelbagai strategi dan tindakan (UNISDR, 2009). Oleh itu, "sabar" dalam konteks ini adalah proses penambahbaikan yang berterusan dengan mengambil pengajaran daripada peristiwa kemalangan yang telah berlaku. Ketika berhadapan dengan pelbagai musibah seperti kemalangan industri, manusia perlu sentiasa bersabar dan berdoa serta memanjangkan harapan kepada bantuan dan keselamatan daripada Allah. Manusia hendaklah menerima segala ketentuan Allah bagi setiap kemungkinan yang berlaku (*tawakal*) setelah segala usaha yang terbaik dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kesabaran ketika berhadapan dengan kejadian kemalangan bukan bermaksud manusia hanya perlu menunggu dan menerima sahaja akibat daripada kemalangan tersebut. Keyakinan tentang ketentuan Allah perlu dilihat dalam skop yang lebih luas. Ini termasuklah membuktikan ketaatan kepada Allah dengan melakukan segala yang telah diwajibkan kepada manusia dalam menguruskan hal-hal berkaitan keduniaan dengan berpandukan suruhanNya. Manusia juga diwajibkan untuk sentiasa membuat persediaan dari sudut pengurusan, teknikal dan norma serta nilai bagi merangka aktiviti-aktiviti pencegahan.



Rajah 2: Pengurusan keselamatan di industri halal dalam kerangka konsep *halalan-toyyiban*.

### *Al-Ta'awun/Musa'adah-Kerjasama Kejiranan dalam Pengurusan Keselamatan Industri*

Penyepaduan nilai-nilai Islam melalui konsep *halalan-toyyiban* dalam kerangka *maqasid al-shariah* berupaya mencetus suatu jaringan kerjasama antara pengusaha halal dalam isu-isu keselamatan industri. Pembinaan hubungan kerjasama ini adalah sesuatu yang menarik untuk diketengahkan. Menurut Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia, Datuk Nik Mustapha bahawa semangat kerjasama dan kekitaan dapat ditingkatkan melalui pemahaman terhadap *maqasid al-shariah* (Seminar Teori dan Aplikasi Prinsip *Maqasid Al-Shariah*, 28~29 May 2012; Sinar Harian, 2012). Dalam konteks penulisan ini, pendekatan kooperatif (kerjasama di antara industri halal) dalam pengurusan keselamatan juga merupakan suatu inisiatif yang berpotensi untuk dilaksanakan. Hubungan kerjasama dan kekitaan yang diketengahkan melalui pendekatan ini dilihat berkait rapat dengan pencapaian *maqasid al-shariah*. Pendekatan ekologi industri di Kalundborg, Denmark adalah salah satu contoh kejayaan jaringan kerjasama komuniti industri bagi meminimakan impak sisa-sisa perindustrian. Pendekatan ini



amat menepati falsafah kerjasama di dalam Islam bagi tujuan memelihara alam sekitar dan seterusnya kelangsungan kehidupan manusia. Pendekatan seperti ini juga wajar dibangunkan di dalam konteks perkara yang berkaitan dengan isu-isu keselamatan industri. Oleh itu, kesepaduan nilai-nilai Islam melalui konsep *halalan-toyyiban* dan pembangunan jaringan kerjasama di antara komuniti industri halal di dalam isu keselamatan secara langsung menepati kehendak *maqasid al-shariah*.


Perkongsian maklumat dan amalan terbaik pengurusan keselamatan industri dapat membantu dalam mempelbagaikan langkah-langkah pencegahan kemalangan. Keadaan ini juga berupaya menyuburkan budaya perkongsian ke arah kebaikan (*ta'awun*). Di dalam Islam, konsep *shura* dan *ta'awun* (kerjasama) adalah penting dan ianya merupakan mekanisme asas bagi menjayakan sesuatu sistem pengurusan. Tujuan kerjasama adalah untuk membina sistem pengurusan keselamatan industri atau pengurusan bencana industri yang lebih berkesan. Dalam masa yang sama, menjayakan sistem tersebut bagi memenuhi *maqasid al-shariah*, iaitu menghapuskan atau meminimalkan impak kejadian buruk terhadap pekerja, masyarakat atau alam sekitar. Firman Allah di dalam Surah Al-Maidah, ayat 2: "... dan bekerjasama dalam kebenaran dan ketakwaan, tetapi tidak bekerjasama dalam dosa dan permusuhan". Hubungan kerjasama bagi manfaat setiap anggota kluster industri halal juga bertepatan dengan konsep persaudaraan. Kerjasama dalam konteks persaudaraan sebenarnya melampaui batas fahaman agama. Ianya harus menyeberangi sempadan kaum dan agama (Sohirin dan Mohd Suhaimi, 2013). Oleh itu, dengan kepelbagaian latar belakang agama dan bangsa, pengusaha industri halal wajar memahami kepentingan jaringan kerjasama bagi menambahbaik pengurusan keselamatan industri. Pendekatan kooperatif ini dapat membantu mengukuhkan lagi konsep *halalan-toyyiban*, selain daripada tuntutan melaksanakannya secara inisiatif organisasi masing-masing. Firman Allah di dalam Surah Al-Mumtahanah, ayat 8: "*Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi mu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negeri mu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil*". Al-Qardhawi (1994) menyatakan ayat ini menganjurkan masyarakat Islam agar berbuat kebaikan dan kebajikan kepada masyarakat bukan Islam. Beliau menambah, ini menghilangkan pemikiran bahawa orang yang berbeza agama tidak berhak mendapatkan kebaikan dan keadilan, kasih sayang, dan pergaulan yang baik. Mewujudkan kebaikan memberi makna yang luas dan ianya mencakupi semua makna kebaikan dan pengembangannya, termasuk mewujudkan jaringan kerjasama dalam hal berkaitan keselamatan industri. Jaringan kerjasama ini memberikan kekuatan kepada anggota kluster industri halal yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang untuk saling membantu antara satu sama lain. Kesediaan untuk berkongsi maklumat, kepakaran,

risiko dan amalan pengurusan keselamatan yang baik membuka batasan agama dan kepercayaan. Inisiatif kerjasama ini juga dapat menggambarkan sikap toleransi ajaran Islam dalam menambah baik kehidupan manusia, khususnya untuk kebaikan bersama antara pengusaha industri halal. Ini bersesuaian dengan firman Allah swt di dalam Surah Al-Qasas: 35 yang bermaksud "*Kami akan menguatkan lengan anda melalui saudara anda, dan memberi anda kedua-dua kuasa ...*". Dalam erti kata lain, kepakaran tunggal tidak akan menjamin suatu penemuan dan penyelesaian yang terbaik atau optimum. Oleh itu memerlukan kepada kepakaran yang disepadukan serta konsensus yang disepakati.

Jaringan kerjasama kejurangan dalam isu-isu pengurusan keselamatan industri juga memperlihatkan kesyukuran Islam dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan pekerja, masyarakat dan alam sekitar. Sikap menidakkan hak kejurangan dalam perkongsian maklumat dan kepakaran bagi menambah baik pengurusan keselamatan industri adalah sesuatu yang perlu dielakkan. Pengusaha industri halal juga perlu memahami kepentingan dan keutamaan amalan muafakat dan kerjasama kejurangan dalam konteks pengukuhan konsep *halalan-toyyiban*. Kemalangan industri juga boleh menyebabkan berlakunya kemusnahan besar seperti kebakaran dan letupan yang berupaya mengakibatkan impak buruk kepada kejurangan. Oleh itu, industri halal yang mempunyai risiko kemalangan besar seperti industri kimia dan petrokimia dianjurkan untuk saling berkongsi maklumat dan kepakaran untuk mengurangkan kejadian kemalangan besar serta membantu dalam proses pemulihan dan mitigasi (pasca kemalangan). Selain bekerjasama bagi pencegahan kemalangan besar, perkongsian maklumat dan kepakaran juga memberikan impak positif ke arah pencegahan kemalangan yang bersifat kecil dan terencil yang berlaku di kilang-kilang produk halal. Saling berkongsi maklumat dan kepakaran di antara pengusaha industri halal juga menyuburkan amalan keselamatan industri yang baik selain daripada dapat mengukuhkan reputasi industri halal Malaysia. Inisiatif seperti ini merupakan contoh amalan yang amat digalakkan di dalam Islam. Kerjasama seperti ini juga penting bagi berhadapan dengan kemunculan pelbagai teknologi dan aktiviti pembuatan produk yang semakin maju dan terkini. Keadaan ini juga secara langsung menjadikan risiko kemalangan semakin sukar diramal dan memerlukan kepelbagaian strategi dan corak pengurusan. Dalam konteks kejurangan industri pula, kepelbagaian industri halal yang terdiri daripada industri kecil dan sederhana sehingga kepada industri berskala besar dan berisiko seperti petrokimia, kimia dan farmaseutikal menyebabkan isu keselamatan menjadi sangat penting. Di dalam suatu kawasan perindustrian, industri yang pelbagai ini wujud di antara satu sama lain dalam kejurangan yang luas. Oleh yang demikian, tanggungjawab kejurangan menjadi salah satu keutamaan yang perlu dilaksanakan. Di dalam Islam, hak kejurangan dan

akhlak terhadap jiran sangat dititik-beratkan. Ini bersesuaian dengan hadis Rasulullah s.a.w seperti yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a yang bermaksud “*Jibril menganjurkan aku bersikap baik terhadap tetangga sedemikian rupa sehingga aku berfikir dia menyuruh aku menjadikan mereka sebagai warisku*” (Bukhari & Muslim). Oleh itu, menjaga kejiranan dan memberikan hak mereka adalah sesuatu yang amat penting. Isu keselamatan seperti risiko berlakunya kebakaran atau letupan yang berpotensi membahayakan kejiranan perlulah diberikan perhatian. Ia bukan sahaja tuntutan dari sudut perundangan dan tanggungjawab sosial, bahkan dituntut oleh syariat Islam itu sendiri. Selain itu, kejiranan juga berhak untuk berkongsi maklumat berkaitan keselamatan seperti potensi risiko dalam aktiviti pemprosesan produk, bahan-bahan berbahaya yang digunakan, serta risiko-risiko lain yang boleh dikongsi bersama. Sikap kebersamaan ini merupakan nilai yang dituntut oleh Islam.

Secara umumnya, pembangunan industri halal dan tuntutan pelaksanaan pengurusan keselamatan industri adalah merupakan manifestasi daripada asas-asas Islam bagi penyuburan konsep *halalan-toyyiban* yang terangkum di dalam *maqasid al-shariah* (Rajah 3). Asas-asas Islam tersebut terbina di atas tiga perkara iaitu kepercayaan (*i'tikadiyyah*), ibadah (*amaliyyah*), dan akhlak atau moral (*akhlakiyyah*). Menurut Chamhuri dan Md Tareq (2009) “mendeley” : { “manualFormatting” : “Chamhuri dan Md Tareq (2009) sebagaimana yang di petik dari Kamali (1989), asas-asas Islam ini tidak berubah tetapi manifestasinya di dalam persoalan sekunder seperti ekonomi, perniagaan dan aktiviti urusan keduniaan memerlukan fleksibiliti dan pembangunan yang mengikut masa dan ruang keadaan. Hubungan kerjasama (*ta'awun*), meraikan konsensus dan keputusan yang dibuat secara kolektif (*shura*), dan memenuhi tuntutan hak kejiranan (*hakkul-jiran*) bagi kebaikan bersama anggota kluster industri halal (*jalb al-masalih*) berupaya menjadikan model industri halal Malaysia lebih berdaya saing. Kesepaduan nilai-nilai ini dalam pembangunan kluster industri halal juga dapat memberikan nilai tambah terhadap konsep *halalan-toyyiban* dalam konteks yang lebih holistik dan terbuka. Dalam erti kata lain, pelaksanaan pengurusan keselamatan industri bagi model industri halal menjadi kewajiban dan bukannya suatu pilihan memandangkan ianya terangkum di dalam *maqasid al-shariah* serta tuntutan kesempurnaan konsep *halalan-toyyiban* itu sendiri. Walau bagaimanapun, perkaedahan bagi pelaksanaan tersebut adalah bergantung kepada keadaan dan realiti semasa. Dengan mengambilkira kepelbagaian teknologi yang sedang berkembang pesat, pendekatan kooperatif dilihat berpotensi untuk dilaksanakan. Melalui pendekatan ini, anggota kluster industri halal berupaya untuk bergabung dan bekerjasama bagi kebaikan bersama.



Rajah 3: Tuntutan melaksanakan pengurusan keselamatan industri dan konsep *halalan-toyyiban* dalam kerangka *maqasid al-shariah*.

## KESIMPULAN

Matlamat untuk menjadikan pembangunan industri halal sebagai salah satu identiti Malaysia perlulah dipamerkan dalam bentuk pakej yang menyeluruh. Selain daripada menawarkan serta menyediakan produk halal untuk para pengguna, khususnya pengguna Islam, industri halal juga perlu bergerak bersama integrasi identiti Islam yang bersifat menyeluruh. Ini penting bagi menjadikan industri halal sebagai model ikutan (*role model*) dengan keunikannya yang tersendiri. Pembangunan industri halal dan pengekonomian adalah jelas bertujuan memelihara dan memakmurkan kehidupan masyarakat. Pelaksanaan pengurusan keselamatan pula, khususnya dalam konteks industri halal adalah suatu tuntutan yang terdapat di dalam konsep *halalan-toyyiban* dan kerangka *maqasid al-shariah*. Kepentingan memelihara nyawa atau jiwa dan harta benda daripada kemalangan merupakan dua tujuan penting di dalam tatatingkat (hierarki) perkara-perkara asasi (*ad-dharurat*) *maqasid* selepas memelihara agama. Jasser (2014) menyatakan, secara praktikalnya memelihara jiwa ini bermaksud apa sahaja yang mendatangkan bahaya kepada nyawa menerusi apa-apa bentuk perkaedahan seperti bahaya yang boleh mendatangkan risiko kehilangan anggota badan. Beliau menambah ini termasuk juga melaksanakan langkah-langkah meningkatkan aktiviti pencegahan. Oleh yang demikian, melaksanakan pengurusan keselamatan industri khususnya oleh pengusaha industri halal adalah sesuatu yang

menjadi tuntutan. Ianya bukan sahaja tuntutan sejagat tetapi yang lebih utama, ianya adalah tuntutan Islam itu sendiri. Selain itu, perkembangan teknologi semasa juga diiringi dengan kelahiran pelbagai risiko kemalangan. Pengetahuan, kepakaran, dan sumber adalah di antara isu yang penting bagi melaksanakan sistem pengurusan keselamatan yang berkesan. Inisiatif mewujudkan jaringan kerjasama dilihat berupaya membantu anggota kluster industri halal melalui perkongsian pintar bagi kebaikan bersama (*ta'awun*). Hubungan kerjasama seperti ini amat digalakkan oleh Islam dan ini secara langsung dapat menyepadukan nilai-nilai Islam dalam membangunkan model kluster industri halal.

## RUJUKAN

- Abdul Kabir. (2004). *On religiosity of engineering profession*. Kertas pembentangan di The International on Islamic Thoughts, 7-9 Disember, Universiti Malaya.
- Abu Bakr, R.A. (2004). *Boss-Subordinate Relation: An Islamic Paradigm*. Kertas pembentangan di The International Seminar on Islamic Thoughts, 7-9 Disember, Universiti Malaya.
- Adi Setia. (2009). <http://www.rausyanfikir.com/2009/03/masalah-ulamahari-ini-dualisme-ilmu.html> (akses pada 13 Nov. 2014).
- Alias Azhar, Harlida Abdul Wahab, Nurretina Ahmad Shariff, Muhammad Hafiz Badarulzaman. (2011). *Produk makanan halal: perspektif hukum dan undang-undang*. Seminar Hukum Islam Semasa dianjurkan oleh Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 14 dan 15 Disember 2011.
- Anas, M. Y., Wan Mohd Yusof, W. C., & Mahani, M. (2010). *The Concept of Halalan Tayyiba and Its Application in Products Marketing : A Case Study at Sabasun HyperRuncit Kuala Terengganu , Malaysia*. International Journal of Business and Social Science, 1(3), 239-248.
- Amir Husin, M.N., Muhammad Nazir, A., Mohd Adib, S., Anwar Fakri, O., Ibnor Azli, I., Hayatullah, L., Abdel Wadoud, M.M. El-Seoudi, Ahmad, M.H. and Norhoneydayatie, A.M. (2012). *Application of The Principles of Maqasid Shari'ah in Administration of The Islamic Countries*. Advances in Natural and Applied Sciences, Vol. 6 No. 6, pp. 847-851.
- Asmahan Mokhtar, Nurshahiza Mohamad Isa & Norni Abd Wahab. (t.th). *Pengurusan dalam Islam*. Putrajaya: Department of Polytechnic Education, Ministry of Higher Education) [http://www.academia.edu/3788948/Pengurusan\\_Dalam\\_Islam](http://www.academia.edu/3788948/Pengurusan_Dalam_Islam) (akses pada 20 Januari 2015)
- Boustras, G., Bratskas, R., Tokakis, V., & Efstathiades, A. 2011. Safety awareness of practitioners in the Cypriot manufacturing sector. Journal of Engineering, Design and Technology, Vol. 9, No.1, pp. 19-31.
- Chamhuri, S, Tareq, MH (2009). An analysis of Islamic CSR concept and the opinions of Malaysian managers. International Journal of Environmental Quality Management, Vol. 20, No. 3, pp. 290-8.
- Hasbullah Mat Daud. (2011). *Teori maqasid al-shariah: kajian perbandingan antara pemikiran Al-Syatibi dan 'Izz al-Din ibn Abd al-Salam*. Tesis Sarjana, Jbt Fiqh & Usul, APIUM.
- Jasser Auda (2007). *Maqasid al-shariah as philosophy of Islamic Law: A system approach*. London: The International Institute of Islamic Thought. Biddles Ltd, UK

- Jasser Auda. (2014). *Memahami maqasid syariah- peranan maqasid dalam pembaharuan Islam kontemporari*. (Terj. Marwan Bukhari A. Hamid). Batu Caves: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)-PTS Islamika.
- Kamali, M.H. (1989). *Sources, nature and objectives of shari'ah*. Islam Quartely, pp. 215–235.
- Kamali, M. H. (2008). *Maqasid al-Shari'ah made simple*. London: The International Institute of Islamic Thought. Biddles Ltd, UK
- La Jamaa (2011). *Dimensi Ilahi dan Dimensi Insani dalam Maqashid al-Syari'ah*. Asy-Syir'ah, Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum, Vol. 45, No. 11, pp. 1251-1270.
- Maszlee Malik (2015). *Al-Maqasid al-Shari'ah (the Comprehensive Objectives of Shari'ah)*. Kertas kerja ini dibentang di Forum G25: "Maqasid Syariah in a Constitutional Democracy" pada 31 Oktober 2015. Penang Institute, Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.
- Mohd Fikri Che Hussain. (2012). *Pengenalan Ilmu Maqasid Syariah*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Mohd Shukri Hanapi. (2010). *Tasawur dalam pembangunan berteraskan Islam*. Kertas pembentangan di The 1<sup>st</sup> ASEAN Muslim Research Organization Network (AMRON) International Conference, Walaikak University, Nakhon Si Thammarat, Thailand. 2-3 October 2010.
- Muhammad Asyraf, M. R. (2013). *Etika Bekerja Selamat Di Dalam Islam* (pp. 1-11). Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health- COSH 2013. Kuala Lumpur: NIOSH, Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2000). *Ke arah pengurusan pembangunan Islam*. Seminar Pembangunan Pengurusan Islam, 21 September 2000. KOMTAR, Penang.
- Nurdeng Deuraseh (2012). *New essential values of daruriyyah (necessities) of the objectives of Islamic Law (maqasid al-shariah)*. Jurnal Hadhari, Vol. 4, No. 1, pp 107-116.
- Qardhawi, Y. (1994), *Fiqh Keutamaan (Fiqhul Aulawiyat): Memahami Peringkat Amal Mengikut Al-Quran dan As-Sunnah*. (Terj. Abu Amal Ghafar). Johor Bahru: Jahabersa.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Idris Awang (2006). *Pendekatan baru maqasid al-shariah dalam pengajian syariah di Malaysia: Satu Analisis*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference: Islamic Jurisprudence and Challenges of the 21st Century, anjuran UIAM pada 8 Ogos 2006.
- Rane, H. (2009). *Maqasid, Contextualisation and Social Science Towards a Contemporary Methodology of Interpreting the Quran*. Islamic Perspective, Vol. 1 No. 2, pp. 55-85.
- Sazelin binti Arif. (2012). *Konsep halalan-toyyiban dari perspektif maqasid al-shariah dan aplikasinya dalam prosedur penentuan makanan halal di Malaysia*. Tesis Phd, Jbt Fiqh & Usul, Akademik pengajian Islam UM.

- Siddiqi, M. N. (2010). *Maqasid-e Shari`at (Objectives of the Shariah)*. *J.KAU: Islamic Econ*, Vol. 23 No. 2, pp. 235-244.
- Sinar Harian, 29 May. (2012). *Matlamat Maqasid Al-Shariah perlu dijadikan model pembangunan*
- Sohirin Mohammad Solihin & Mohd Suhaimi Ishak. (2013). *Tawhid, humanity and civilization*. Gombak: IIUM Press.
- Syahiza Arsad, Rahayati Ahmad, Wan Nazjmi Mohamed Fisol, Roshima Said, Yusuf Othman (2015). *Maqasid al-shariah in corporate social responsibility of shariah compliant companies*. *Research Journal of Finance and Accounting*, Vol. 6, No. 6, pp 239-247.
- The Halal Journal. (2012). Special Edition. Issue 42, Malaysia.
- UNISDR. (2009), United Nation International Strategy for Disaster Reduction. [http://www.unisdr.org/files/7817\\_UNISDRTerminologyEnglish.pdf](http://www.unisdr.org/files/7817_UNISDRTerminologyEnglish.pdf) (akses pada 10 Oktober 2013).
- Vibe. (2009). Halal & the current economic malaise. May 2009.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2007). *Himpunan Hadis Modal Insan 2*. KL: Telaga Biru.